

Penyusutan Empangan Sungai Selangor perlu perhatian

» *Tindakan elak krisis bekalan kepada penduduk Lembah Klang*

Oleh Md Fuzi Abd Lateh
mdfuzi@bharian.com.my

► Kuala Kubu Bharu

Penyusutan paras air di Empangan Sungai Selangor sehingga hampir 50 peratus memerlukan penyelesaian segera untuk mengelakkan krisis bekalan air kepada penduduk khususnya di Lembah Klang dan Putrajaya pada masa depan.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengesahkan paras air empangan terbabit susut sehing-

ga 52.02 peratus atau 119.65 juta meter padu pada Khamis lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kuala Kubu Bharu, Mohamad Rafdzi Razali, 58, berkata penduduk tidak pernah dimaklumkan mengenai masalah penyusutan itu walaupun ia dalam keadaan serius.

Mahu kerajaan Pusat bantu

“Kami mahu kerajaan Pusat membantu menyelesaikan perkara ini kerana kerajaan negeri dilihat tidak mampu menyelesaikan masalah bekalan air ditanggung rakyat.

“Tiada gunanya membina empangan yang menelan kos tinggi tetapi gagal berfungsi sepenuhnya membantu rakyat,” katanya.

Beliau berkata cadangan kerajaan Pusat untuk membina Loji Rawatan Langat 2 perlu diterus-

kan bagi mengelakkan masalah seperti itu berlarutan.

Pengerusi JKKKP Pekan Kuala Kubu Bharu, Md Yusof@ Mustapha Kamaruddin, 66, pula berkata penduduk daerah itu berharap masalah berkenaan tidak berlarutan lebih lama.

Katanya, tahun lalu masalah penyusutan serius tidak berlaku di empangan itu tetapi mula berlaku kerana dipercayai penggunaan air yang bertambah manakala bekalan semakin berkurangan.

Penduduk, Hadinah Hamzah, 58, berkata kerajaan negeri diminta tidak mempolitikkan isu bekalan air sebaliknya menyelesaikannya segera menerusi rundingan dengan kerajaan Pusat.

Paras meningkat

Sementara itu, Pengarah LUAS, Md Khairi Selamat, dalam satu

kenyataan berkata, paras empangan itu meningkat kepada 53.48 peratus atau 123 juta meter padu semalam berikutan hujan.

“Baki aliran (residual flow) di Baraj Bestari Jaya juga meningkat. Bacaan pada 16 Oktober (semalam) adalah 2,581 juta liter sehari berbanding kadar minimum 300 juta liter sehari.

“Selain itu, penurunan kadar pelepasan air dari empangan menunjukkan air sungai mencukupi terutamanya keperluan loji pembersihan air.

“Paras air empangan dijangka terus meningkat memandangkan kawasan itu sudah mula menerima hujan dan perubahan Monsun Barat Daya kepada Monsun Timur Laut yang bermula dari bulan November sehingga Mac,” katanya yang meramalkan empangan akan kembali penuh 100 peratus ketika musim hujan ini.



“*Tiada gunanya membina empangan yang menelan kos tinggi tetapi gagal berfungsi sepenuhnya membantu rakyat*”

Mohamad Rafdzi Razali,
Pengerusi JKKKP
Kuala Kubu Bharu